



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

## Agenda 8.1

### KEBERKESANAN TINDAKAN BAGI MENANGANI RISIKO DAN PELUANG SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

LAPORAN TIMBALAN PENGARAH, CQA

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.upm.edu.my

1

## LATAR BELAKANG

Penilaian risiko dibuat  
adalah berdasarkan  
**keperluan Standard  
Sistem Pengurusan  
Kualiti (QMS)  
ISO 9001:2015  
klause 6.1  
Tindakan  
menyatakan risiko  
dan peluang**

### 6 Perancangan

#### 6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang

6.1.1 Apabila merancang untuk sistem pengurusan kualiti, organisasi hendaklah mempertimbangkan isu yang disebutkan dalam 4.1 dan keperluan yang disebutkan dalam 4.2 dan menentukan risiko dan peluang yang perlu dinyatakan untuk:

- a) memberi jaminan bahawa sistem pengurusan kualiti boleh mencapai hasil yang dimaksudkan;
- b) meningkatkan kesan yang diinginkan;
- c) mencegah, atau mengurangkan kesan yang tidak diinginkan;
- d) mencapai penambahbaikan.

#### 6.1.2 Organisasi hendaklah merancang:

- a) tindakan menyatakan risiko dan peluang;

#### b) cara untuk:

- 1) mengintegrasikan, dan melaksanakan tindakan itu ke dalam proses sistem pengurusan kualiti (lihat 4.4);
- 2) menilai keberkesanan tindakan ini.

Tindakan yang diambil untuk menyatakan risiko dan peluang hendaklah setimpal dengan kesan yang mungkin wujud terhadap keakuratan produk dan perkhidmatan.

NOTA 1. Pilihan untuk menyatakan risiko boleh termasuk mengelakkan risiko, mengambil risiko untuk mengejar peluang, menghapuskan punca risiko, mengubah kemungkinan atau akibat, berkongsi risiko, atau mengalihkan risiko berdasarkan keputusan bermaklumat.

NOTA 2. Peluang boleh membawa kepada penerimgunaan amalan baharu, pelancaran produk baharu, pembukaan pasaran baharu, menangani pelanggan baharu, membina perkongkian, menggunakan teknologi baharu, dan kemungkinan lain yang diinginkan dan berdaya maju bagi menangani keperluan organisasi atau pelanggannya.



**Penilaian  
2 kali  
setahun**  
• Jan-Jun  
• Julai-Dis

2

2

## FOKUS PELAPORAN

- 1 **Penilaian Risiko Operasi Tahun 2019**
- 2 **Penilaian Risiko Operasi ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada bidang utama KPI Universiti:**
  - Akademik & Antarabangsa
  - Penyelidikan & Inovasi
  - Hal Ehwal Pelajar
  - Jaringan Industri dan Masyarakat
  - Sumber Manusia
  - Pengurusan Kewangan & Aset
  - Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT
  - Pertanian
- 3 **Kawalan tindak balas ke atas risiko Tahun 2019**
- 4 **Status Tindakan Risiko Tinggi Tahun 2019 oleh Peneraju KPI UPM**
- 5 **Penilaian awal Risiko Operasi Tahun 2020**

3

3

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### 1 Penilaian Risiko Tahun 2019




4

4

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### Tahap Penilaian Risiko mengikut Kumpulan PTJ (Fakulti, Sekolah, Akademi, Institut, Pusat, Pejabat, Bahagian, Kolej dan Perkhidmatan)






Penilaian risiko dibuat bagi setiap PTJ mengambil kira setiap PTJ mempunyai tindakan berbeza (kawalan sedia ada untuk mengawal isu dan strategi tindakan bagi menangani risiko tinggi dan sederhana) walaupun terdapat pernyataan isu yang sama di antara PTJ.

5

5

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### 2 Penilaian Risiko operasi ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada bidang utama KPI Universiti:



**Bidang Utama KPI:**


1. Akademik & Antarabangsa
2. Penyelidikan & Inovasi
3. Hal Ehwal Pelajar
4. Jaringan Industri dan Masyarakat
5. Sumber Manusia
6. Pengurusan Kewangan & Aset
7. Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT
8. Pertanian

6

6

**PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM**

**3 Kawalan Tindak Balas ke Atas Risiko Tahun 2019**



**Kawalan tindak balas ke atas risiko terhadap 445 pernyataan isu (Tolak Ansaur, Rawat, Pindah, Hapus)**


Jadual 12 Kaedah 4Ts untuk kawalan tindak balas ke atas risiko

Bil.	Kaedah Kawalan	Penerangan
1.	Tolak ansaur (Tolerate)	Risiko yang boleh diterima oleh universiti tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawal secara efisien menggunakan sistem kawalan yang sedia ada.
2.	Rawat (Treat)	Risiko yang boleh dirawat oleh universiti dengan menggunakan sumber sedia ada. Kombinasi hirarki kawalan adalah sesuai diamalkan bagi memastikan kadar risiko adalah sentiasa terkawal.
3.	Pindah (Transfer)	Risiko yang boleh ditanggung oleh pihak lain selain universiti. Pilihan ini adalah baik bagi mengawal risiko berkaitan kewangan dan aset. Contoh: pengambilan insurans.
4.	Hapus (Terminate)	Risiko yang tidak boleh lagi di tanggung oleh universiti secara berterusan mestilah dihapuskan. Universiti telah pun cuba menangani isu risiko ini dengan kaedah kawalan yang lain tetapi masih tidak berjaya.

Rujuk: Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM (m/s:45)

**PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM**

**4 Status Tindakan Risiko Tinggi oleh Peneraju KPI UPM**



**Peneraju:**

- a) Sumber Manusia – 5
- b) Pengurusan Kewangan & Aset – 5
- c) Akademik & Antarabangsa – 4
- d) Penyelidikan & Inovasi – 4
- e) Jaringan Industri dan Masyarakat – 2
- f) Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT – 2

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### a) Sumber Manusia – 5 RISIKO TINGGI

Nama PTJ	Penyataan Isu	Klasifikasi Isu	Kawalan Sedia Ada	Tahap Risiko	Strategi Tindakan	Tindakan Atas Risiko	Maklum balas Penerima (Pejabat Pendaftar)
1) Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-Aquas)	Kekurangan Staf	Dalam	1. Melaksanakan kerja lebih Masa. 2. Melaksanakan kerja di waktu anjal	Tinggi	1. Memaksimumkan penggunaan sumber tenaga dengan melaksanakan multitasking	Pindah (Transfer)	Mohon jasa baik PTJ untuk memaklumkan risiko yang dipindahkan ke Pejabat Pendaftar bagi tindakan selanjutnya oleh Pejabat Pendaftar. Perbincangan bersama PTJ terbabit akan diadakan bagi meneliti isu dengan lebih lanjut.
2) Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear	Tidak layak terhadap pesakit dengan penggunaan GL perubatan daripada jabatan/agensi kerajaan	Luaran	-	Tinggi	Pihak PPDN telah mengadakan perbincangan dengan JPA, Tindakan selanjutnya kepada pihak Universiti	Pindah (Transfer)	Perbincangan bersama PPDN akan diadakan berkaitan tindakan yang perlu diambil.
3) Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi	Kesilapan staf memberi kenyataan kepada media menyebabkan bahan kenyataan menjadi tular	Dalam	-	Tinggi	Garis panduan diringkaskan bagi rujukan.	Rawat (Treat)	Akan dibincangkan berkenaan awareness Garis Panduan Polisi Media.
4) Bahagian Keselamatan Universiti	Tiada peruntukan undang-undang untuk menjalankan tugas kawalan lalulintas di jalanraya awam (luar kampus) menyebabkan tugas yang dijalankan tidak sah dan sekiranya berlaku kemalangan, tiada perlindungan kepada anggota yang bertugas	Dalam	-	Tinggi	Membuat tindakan susulan berhubung permohonan kuasa menjalankan tugas kawalan trafik kepada IPK Selangor (IPJKK). Rujuk surat daripada IPD Serdang (no.rujukan) 10/8/2015	Rawat (Treat)	Akan dibincangkan bersama OSH dan Bahagian Keselamatan.
5) Bahagian Keselamatan Universiti	Tiada peruntukan undang-undang/kuasa untuk menguatkuasakan peraturan lalulintas merangkumi semua pengguna jalanraya (stas, pelawat, agensi luar) dalam kampus menyebabkan pelajar tidak berpuashati kerana peraturan AUKU 1971 terpakai kepada pelajar sahaja.	Dalam	-	Tinggi	Membuat tindakan susulan berkaitan penyediaan akhir Kaedah-Kaedah UPM (Lalulintas) 2015 kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang.	Rawat (Treat)	Akan dibincangkan bersama OSH dan Bahagian Keselamatan.

9

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### b) Pengurusan Kewangan & Aset – 5 RISIKO TINGGI

Nama PTJ	Penyataan Isu	Klasifikasi Isu	Kawalan Sedia Ada	Tahap Risiko	Strategi Tindakan	Tindakan Atas Risiko	Maklum balas Penerima (Pejabat Bursar)
1) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Peruntukan kewangan tahunan dikurangkan / dipotong menyebabkan keperluan penyelidikan tidak mencukupi.	Dalam	Gunasama keperluan penyelidikan di kalangan penyelidik	Tinggi	1) Meningkatkan kualiti penyelidikan di dalam kategori Q1 & Q2. 2) Penjana pendapatan melalui penganjuran seminar, bengkel, dan kepakaran industri.	Rawat (Treat)	1) Mewujudkan Geran Penyelidikan SPE kepada pensyarah di SPE bagi membiayai projek penyelidikan. Geran telah ditawarkan kepada pensyarah pada tahun 2020; 2) Mengadakan Bengkel Bibliometric Analysis kepada pensyarah; 3) Melaksanakan Executive Education Program (EEP) bagi menawarkan sijil profesional berbayar; 4) PTJ telah disediakan peruntukan pengoperasian (mengurus) bagi keperluan perbelanjaan 'must have' termasuk komitmen berkontrak dan permohonan peruntukan tambahan PTJ untuk menampung ketidacukupan dipertimbang secara 'case basis'; 5) Inisiatif yang diambil oleh PTJ adalah selaras dengan skop penajaan di dalam Garis Panduan Penajaan Pendapatan Universiti.
2) Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear	Kos penyelenggaraan berkala yang tinggi dan tiada peruntukan	Dalam	Penyelenggaraan minimum	Tinggi	Meningkatkan pendanaan pendapatan pusat, mengekalkan hubungan baik dengan industri	Pindah (Transfer)	PTJ telah disediakan peruntukan pengoperasian (mengurus) bagi keperluan perbelanjaan 'must have' termasuk komitmen berkontrak. PTJ juga disediakan peruntukan khas penyelenggaraan peralatan untuk menampung kekurangan peruntukan sedia ada di bawah tabung amanah PTJ.
3) Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear	Kos alat ganti tinggi	Luaran	-	Tinggi	Meningkatkan pendanaan pendapatan pusat, mengekalkan hubungan baik dengan industri	Pindah (Transfer)	Secara keseluruhannya, isu peruntukan yang berkurangan telah diambil kira dalam isu di Pejabat Bursar (isu 1 : Peruntukan yang diluluskan oleh pihak Kementerian tidak dapat menampung keperluan semasa).
4) Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear	peruntukan belanja mengurus yang terlalu rendah	Dalam	-	Tinggi	tingkatkan pendapatan tabung amanah	Pindah (Transfer)	Adalah disyorkan supaya penstrukturan semula PPDN dibuat oleh pihak berkuasa Universiti bagi memastikan aktiviti sedia ada dapat dilaksanakan dengan lancar. HPUPM boleh mengendalikan operasi PPDN dengan menggunakan peralatan tersebut untuk perkhidmatan radiologi di HPUPM dan kos penyelenggaraan boleh ditampung menggunakan peruntukan operasi HPUPM
5) Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear	Penajaan yang masih ditahap sederhana	Dalam	-	Tinggi	mempergiatkan kolaborasi bersama industri dan komuniti dengan tujuan aktiviti promosi	Pindah (Transfer)	

10

10

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM



### c) Akademik & Antarabangsa – 4 RISIKO TINGGI

Nama PTJ	Penyataan Isu	Klasifikasi Isu	Kawalan Sedia Ada	Tahap Risiko	Strategi Tindakan	Tindakan Atas Risiko	Maklum balas Penerima (Bahagian Akademik & Sekolah Pengajian Siswazah)
1) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Kekurangan tenaga pengajar	Dalaman	-	Tinggi	Memohon perjawatan dari Pejabat Pendaftaran	Rawat (Treat)	Permohonan perjawatan kepada Pejabat Pendaftaran perlu dikemukakan oleh pihak fakulti sendiri dan bukan di bawah tindakan penerima
2) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia	Kemasukan pelajar ke program siswazah semakin berkurangan	Dalaman	-	Tinggi	Mempromosikan program pengajian dalam media sosial dan menawarkan bidang baharu.	Rawat (Treat)	Pelaksanaan tindakan di peringkat PTJ
3) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia	Pelajar bergraduat melebihi tempoh masa pengajian yang sepatutnya	Dalaman	-	Tinggi	Perjumpaan lebih kerap di antara Institut dengan pelajar Siswazah	Rawat (Treat)	Pelaksanaan tindakan di peringkat PTJ
4) Pusat Antarabangsa	SMP tidak berkemampuan untuk memproses pendaftaran pelajar dan pendaftaran kursus terutamanya semasa waktu puncak.	Dalaman	Membuat Pra-pendaftaran pelajar sebelum pelajar mula mendaftar.	Tinggi	Pendaftaran kursus dilaksanakan selepas waktu bekerja.	Pindah (Transfer)	Isu ini telah dimaklumkan kepada pihak IDEC dan tindakan telah dilaksanakan dengan menukar server atau storan berkapasiti tinggi yang boleh menampung SMP semasa waktu puncak

11

11

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM



### d) Penyelidikan & Inovasi – 4 RISIKO TINGGI

Nama PTJ	Penyataan Isu	Klasifikasi Isu	Kawalan Sedia Ada	Tahap Risiko	Strategi Tindakan	Tindakan Atas Risiko	Maklum balas Penerima (Pejabat TNCPi)
1) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Penawaran geran penyelidikan yang berkurangan menyebabkan jurnal penyelidikan tidak dapat dihasilkan	Dalaman	-	Tinggi	Memperbanyakkan atau menambah jumlah kuota peserta bengkel Penyediaan Proposal (Top Drawer Proposal)	Rawat (Treat)	Program Putra Laureate yg dianjurkan oleh RMC dengan kerjasama PTJ boleh dianjurkan beberapa kali mengikut request daripada PTJ. Selakat ini Program ini hanya sekali sahaja diadakan oleh FEP, jika PTJ perlu lebih banyak siri diadakan untuk melibatkan lebih ramai penyelidik, pihak PTJ boleh membuat perancangan program dan mengemukakan permohonan kepada RMC.
2) Institut Kajian Perladangan	Ketiadaan fasiliti dan peralatan penyelidikan. Cth: makmal	Dalaman	membuat kertas kerja ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti bagi kelulusan peruntukan kewangan menggunakan duit universiti	Tinggi	Keputusan Mesyuarat JPU sebelum ini bersetuju menangguhkan urusan pengubahsuaian dan naik taraf ini sehingga perancangan transformasi governan universiti dimuktamadkan. Kertas akan dihantar semula setelah urusan di atas selesai	Rawat (Treat)	Tiada tindakan daripada penerima, sehingga kertas kerja tersebut boleh dihantar semula. Setelah mendapat kertas kerja tersebut daripada IKP, Penerima akan meneliti dan membawa kertas kerja untuk kelulusan JPU.
3) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia	Kekurangan penerbitan dalam jurnal bertaraf tinggi disebabkan sasaran KPI yang tinggi.	Dalaman	1. Pelantikan penyelidik bersekutu untuk membantu penulisan. 2. Mengadakan bengkel penulisan dan perjumpaan bersama Penyelidik Bersekutu.	Tinggi	Menambah dan memilih felo penyelidik dan post doc yang benar-benar berkelayakan yang menyumbang dalam pencapaian KPI.	Rawat (Treat)	Pelantikan felo penyelidik dan post-doc adalah melalui JK Pemilihan (Penyelidikan) berdasarkan kepada syarat kelayakan yang mencerminkan kepada kecemerlangan dalam penyelidikan. Faktor utama untuk menambah bilangan felo penyelidik dan post-doc adalah kewangan yang menjadi kekangan pada masa ini.
4) Putra Science Park	Kurang penyertaan permohonan dana program Mikrokredit menyebabkan dana tidak dapat dimanfaatkan	Dalaman	Sebarikan hebahan program kepada pelajar melalui Fakulti, Kolej Kediaman, Persatuan Pelajar, CEM, WAZAN, laman web, facebook dan Whatsapp Group	Tinggi	-	Rawat (Treat)	Putra Science Park akan memperkasakan program melalui kerjasama dengan CEM, WAZAN, Persatuan Pelajar, Fakulti dan Kolej Kediaman.

12

12

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### e) Jaringan Industri dan Masyarakat – 2 RISIKO TINGGI

Nama PTJ	Penyataan Isu	Klasifikasi Isu	Kawalan Sedia Ada	Tahap Risiko	Strategi Tindakan	Tindakan Atas Risiko	Maklum balas Pengeraju (Pejabat TNCJNM)
1) Pusat Sumber dan Pendidikan kanser (CARE)	Sumber kewangan dalaman untuk menjalankan aktiviti yang terhad	Dalaman	1. Mengutamakan projek-projek yang berimpak tinggi 2. Mengutamakan sasaran komuniti yang terkesan akibat kanser	Tinggi	1. Mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan dan swasta untuk mendapatkan sumber kewangan (tunai dan inkind) 2. Kenalpasti niche area industri yang berkaitan dan berpotensi untuk memohon penajaan 3. Menjalankan aktiviti NBOS secara kolaboratif dengan agensi berkaitan	Rawat (Treat)	CARE berjaya menjalin kerjasama/kolaborasi agensi kerajaan dan industri untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menjalankan program dengan komuniti yang terkesan dengan kanser. Oleh yang demikian, strategi ini perlu diteruskan bagi memastikan kelestarian sumber kewangan untuk membiayai program industri dan komuniti yang berimpak tinggi. Pada 2019, beberapa industri/agensi kerajaan juga terlibat dalam menjayakan projek komuniti CARE. Pada tahun 2019 juga CARE telah berjaya mencapai sasaran pendanaan (tunai dan inkind) melebihi sasaran yang ditetapkan berbanding tahun 2018. Terdapat cadangan penstrukturan semula CARE di bawah HPUPM dan inisiatif ini dijangka akan dapat meminimumkan kekeangan sumber kewangan dalaman
2) Pusat Sumber dan Pendidikan kanser (CARE)	Sumber kewangan industri semakin terhad dan berkurangan	Luaran	-	Tinggi	1. Meningkatkan interaksi / hubungan dengan industri 2. Mewujudkan database industri yang berpotensi 3. Mengenal pasti industri yang berpotensi untuk mendapatkan sumber pendanaan dan menawarkan tawaran balak seperti kerjasama penyelidikan, program kesedaran kanser dll.	Rawat (Treat)	

13

13

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### f) Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT – 2 RISIKO TINGGI


Nama PTJ	Penyataan Isu	Klasifikasi Isu	Kawalan Sedia Ada	Tahap Risiko	Strategi Tindakan	Tindakan Atas Risiko	Maklum balas Pengeraju (IDEC)
1) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC)	Gangguan capaian rangkaian Internet & Intranet. (Dalaman/Luaran)	Dalaman	1. Melaksanakan kawalan capaian akses (Authentication) untuk mengawal penggunaan lebar jalur secara optimum. (Telah dilaksanakan) 2. Memasangkan setiap wakil IT di Sekyen ICT PTJ mempunyai skill untuk troubleshoot dan baipulih segera masalah rangkaian (Latihan intermediate dan advance) 3. Mewujudkan sistem keselamatan Web Application Firewall (WAF) di Pusat Data dan DRC 4. Hanya benarkan AP yang didaftarkan sahaja.	Tinggi	1. Menaiktaraf infrastruktur rangkaian secara berterusan: i. menggantikan Switch yang telah usang lebih dari 8 tahun. ii. menggantikan fiber optic lama iii. menaiktaraf / mewujudkan Earthing System dan UPS di setiap Center Wiring Utama PTJ 2. Melaksanakan audit keselamatan perkakasan rangkaian di PTJ.	Rawat (Treat)	1. IDEC telah mengemukakan permohonan dan keputusan JPU petikan minit 719.03. JPU bersetuju meluluskan cadangan menaiktaraf dan memperkasa infrastruktur ICT Rangkaian Komputer (UPMNet) dan Pusat Data Universiti secara berperingkat mengikut fasa, dengan peruntukan RM10 juta pada tahun 2021, dan RM10 juta lagi pada tahun 2022. Manakala baki sebanyak RM48.5 juta akan dipertimbangkan secara berfasa setiap tahun bermula tahun 2022 mengambil kira keupayaan kewangan Universiti setelah keputusan daripada permohonan RMK12 (Rolling Plan 2) diperolehi. 2. Audit keselamatan perkakasan rangkaian telah dilaksanakan: a. Fakulti Pertanian [9 Sept 2020 (100%)] b. Fakulti Sains [7 Okt 2020 (20%)] c. Bangunan Canselor [9 Okt 2020 (20%)] Audit keselamatan perkakasan rangkaian PTJ akan dilaksanakan secara berjadual (rujuk Jadual Audit Keselamatan Perkakasan Rangkaian PTJ)
2) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC)	Penempatan Pusat Data dan NOC di tingkat bawah bangunan IDEC Beta dan terdedah dengan bencana banjir	Dalaman	-	Tinggi	i. Pelan Tindakan permohonan Bangunan baharu IDEC ii. Pemantauan mitigasi Banjir oleh pihak PPPA iii. Penyelenggaraan persekitaran premis Pusat Data. iv. Pemeriksaan keselamatan premis Pusat Data.	Rawat (Treat)	i. Pelan tindakan permohonan bangunan IDEC baharu Petikan Minit 711.05(i) JPU bersetuju meluluskan cadangan menaiktaraf dan memperkasa Infrastruktur ICT Rangkaian Komputer (UPMNet) dan Pusat Data Universiti, secara berperingkat mengikut fasa di bawah Rolling Plan RMK-12 dengan keutamaan diberikan kepada projek yang berkaitan sistem terlebih dahulu. ii. Pemantauan mitigasi Banjir oleh pihak PPPA melalui: -> Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap dan Pembersihan Kawasan bagi Kawasan A, UPM -> Skop - Pembersihan longkang di jalan-jalan utama tidak termasuk longkang besar (main drain) -> Kekerapan - sebulan sekali iii. Penyelenggaraan persekitaran premis Pusat Data iv. Pemeriksaan keselamatan premis Pusat Data Beta oleh Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan IDEC dilaksanakan 4 kali setahun

14

14

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### 5 Penilaian Awal Risiko Operasi Tahun 2020



Tahap Penilaian Risiko




15

15

## PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS UPM

### Penilaian Awal Risiko operasi tahun 2020 ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada bidang utama KPI Universiti

Tahap Risiko : Kategori Isu (Awal / HY1 / HY2)



Pelaksanaan tindakan bagi tahap risiko 'Rendah' dipantau secara berterusan, manakala Strategi Tindakan yang dicadangkan untuk mengawal tahap Risiko 'Sederhana' dan 'Tinggi', masih dalam proses tindakan oleh Pusat Tanggungjawab dan akan dinilai pada pertengahan tahun Kedua 2020.

16

16



## SYOR

Mesyuarat diminta mengambil makluman dan perhatian:

1. **Penilaian Risiko Operasi tahun 2019** UPM adalah sebanyak **5% tahap risiko Tinggi, 49% risiko Sederhana** dan **46% risiko Rendah**;
2. Penilaian Risiko Operasi ke atas **445 pernyataan isu** yang **memberi kesan kepada 8 bidang utama KPI Universiti** ;
3. **Kawalan tindak balas ke atas risiko** operasi tahun 2019 bagi **445 pernyataan isu yang dinilai** dan **meminta PTJ melaksanakan kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih** bagi memastikan keberkesanan tindakan ke atas risiko;
4. **Status tindakan/maklum balas oleh Peneraju KPI UPM** ke atas **22 isu tahap risiko tinggi**;
5. **Penilaian Awal Risiko Operasi Tahun 2020.**

17